



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [SUKUM 2012 : Pasukan Bola Sepak\(S\) Hadiah Pingat Pertama UMK](#)

SUKUM 2012 : Pasukan Bola Sepak(S) Hadiah Pingat Pertama UMK



TAHNAH diucapkan kepada kontinjen Universiti Malaysia Kelantan (UMK) diatas pencapaian terbaik meraih pingat gangsa menerusi pasukan bola sepak (senior) pada Kejohanan Sukan Staf Institusi Pengajian Tinggi Awam Kali Ke 37, yang berlangsung di kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), pada 2 hingga 12 Julai 2012.

Pasukan bola sepak (senior) membawa pulang satu-satunya pingat pertama pada kejohanan itu selepas terpaksa akur dengan kekalahan tipis 1-0 kepada pasukan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada saingan separuh akhir.

Pengurus Pasukan Bola Sepak (Senior), En. Zafrin bin Abdul Rahman, berkata, skuad bola sepak mempamerkan pencapaian mengejutkan dan berjaya mencuri tumpuan pasukan lain sepanjang berlangsungnya kejohanan tersebut dengan menjuarai kumpulan C dan layak ke separuh akhir.

Jelas Zafrin, kekalahan tipis itu nyata sukar diterima skuad UMK sebaik saja tamat perlawanan separuh akhir yang cukup mendebarkan dengan pasukan UPNM selepas kita berjaya menunjukkan penguasaan yang tidak diduga selepas berjaya menumbangkan pasukan UNiMAP pada saingan suku akhir.

"Walaupun pemain UMK bukan terdiri daripada bekas pemain kebangsaan dan pemain berstatus kelab berbanding pasukan UNiMAP, ini tidak bermakna pasukan UMK tidak dapat menyaingi mereka dan hasilnya kita layak ke peringkat separuh akhir menewaskan UNiMAP dengan tendangan penalti (4 - 3) selepas kedudukan perlawanan seri (1-1) sehingga tamat perlawanan," katanya.

Tambah Zafrin, kemampuan skuad UMK meraih satu pingat gangsa boleh dianggap berjaya walaupun hanya membariskan kontinjen yang terlalu kecil dengan 98 atlet dan pegawai kerana jika dibandingkan universiti lain yang menghantar atlet dua kali ganda lebih besar.

Sementara itu, Pendaftar UMK selaku Ketua Kontinjen SUKUM 37, YBhg. Prof. Dr. Razi bin Che Razak mengucapkan tahniah diatas kejayaan pasukan bola sepak (senior) yang berjaya merangkul pingat gangsa pada kejohanan tersebut.

Beliau berbangga dan berterima kasih kepada semua atlet dalam kontinjen UMK kerana telah berjaya melepasi sasaran iaitu hanya untuk layak peringkat suku akhir sahaja.

"Kejayaan ini juga telah dapat membantu meningkatkan martabat sukan universiti dan insyallah pada tahun 2013 kita akan membuat persediaan dengan lebih rapi dan mengecapi kejayaan dalam acara-acara sukan lain," katanya.



Bilangan Pelawat :
297688

[Penafian](#)
|
[Dasar Privasi](#)
|
[Dasar Keselamatan](#)
|
[Soalan Lazim](#)
|
[Hubungi Kami](#)
|
[Bantuan](#)
|
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@jumk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.